



Gambar di atas Enche Mohamad Ghazali bin Ismail sedang di-perkenalkan kepada guru muda Enche Ja'far Ahmad oleh Ketua PERSIPKU Enche Hassri Alang. Di-kanan kelihatan Enche Sulaiman Shah sedang beraksi.



Pesta seni silat meriah dgn berbagai2 pertunjukan

PESTA seni silat yang di-adakan di-halaman pondok 'Pakarebong' dekat Buckley Road baharu2 ini meriah sekali dengan berbagai jenis seni pertahanan diri.

Pesta malam itu sebenarnya ia-lah untuk merayakan anggota2 seni silat yang baru tamat dalam peringkat pertama latihan mereka anjuran 'PERSIPKU' — ataupun lebih terkenal dengan nama Perkumpulan Seni Silat Seligi Putra Kuningan.

"Kami mungkin mengadakan pesta seperti ini lain kali," kata Enche Hassri Alang, pemimpin PERSIPKU yang menganjurkan pesta pada malam itu.

Berminat

Bellau menyatakan tagungnya minat sambutan yang di-terima pada malam pesta itu "Kerana ini sungguh2 di-tuar dugaan," bellau membalas.

Memandangkan sambutan yang begitu menggelegak sekali, kata-nya ini menunjukkan masyarakat Melayu memang benar2 berminat dalam seni silat asli-nya itu.

Enche Mohamad Ghazali Ismail, Setiausaha Parlimen (pelajaran), yang menjadi tetamu kehormat malam itu menyatakan bahawa perkembangan seni silat Melayu itu dapat membolehkan sa-

SINGAPURA, Ahad

Tapi yang banyak membuat peralihan itu ia-lah anggota2 dari PERSIPKU sendiri — kerana hendak di-sesuaikan dengan keadaan dan perkembangan2 yang berlaku pesat sekarang.

Peranan

Walaupun di-kekalkan ka-aslian-nya, namun gerak langkah yang terdapat sekarang ini lebih sistematik dan terusun rapi. Ini menunjukkan lagi kegagahan sa-tiap anggota perkumpulan itu.

Bukti-nya bila sa-orang pemuda di-tumbok di-dada-nya dan tidak bergerak, sementara yang sa-orang lagi di-baringkan dan kemudian di-lipiskan dengan tiga keping batu sa-tiap satu dua inchi tebal kemudian di-pukul-nya dengan tukul besi sa-berat 15 paun.

Batu lapisan itu berderai tapi badan pemuda tadi tidak sedikit pun mendapat luka. Ini merupakan satu kebolehan yang mengagumkan

orang ramal malam itu. Bahkan salah sa-orang daripada anggota itu, Sulaiman Shah telah menunjukkan kebolehan diri-nya memamah gelas hingga hujat di-telan satu peratu kepingan2 kaca itu.

Ini juga menunjukkan satu pertunjukan istimewa oleh pemuda gagah itu dan telah menarik perhatian sa-tiap orang ramai yang memerhati pesta seni silat Seligi Kuningan itu.

Lapisan

Begitu-lah sa-bahagian daripada kebolehan2 yang di-tunjukkan oleh anak2 kita dalam seni silat Melayu sekarang ini.

Antara achara2 yang di-telakan pada malam pesta itu termasuklah pertunjukan 'karate', seni silat 'gayong tom-bak' dan 'gayong perang' yang di-perlihatkan oleh 'Pasak', 'kuntau Melaka' dari kumpulan seni silat Lenceng Lompang, 'silat asli' oleh Perastuan Bowean Setia Kebajikan dan dari seni silat Putra Seligi Kuningan sendiri.

